

28/10/2001

Lebih baik 'kumpulan serpihan' dalam KOAM berundur

Razali Yahya

TERKEJUT, hairan dan sukar mempercayainya. Begitulah gambaran gelagat atau kerenah pegawai Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) pada mesyuarat majlis badan itu yang berlangsung di Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Khamis lalu.

Apa sudah jadi? Beberapa ahli majlis yang selama ini begitu lantang 'menjaja' nama Presiden Datuk Syed Mohd Aidid Syed Murtaza ke seluruh pelosok tanah air termasuk menyelar kepemimpinannya yang disifatkan sebagai lemah dan tidak bermaya itu, terus menjadi bisu seribu bahasa pada mesyuarat yang berlangsung dua jam itu.

Gambaran daripada suasana mesyuarat itu nampaknya sudah terbalik. Syed Aidid yang dikatakan akan menjadi bahan kecaman ahli majlis yang boleh digelar sebagai 'kumpulan pendesak' itu kini boleh ketawa besar dan boleh tidur lena kerana kumpulan berkenaan umpama peribahasa terbilang hanya 'berkokok berderai-derai, tapi ekor bergelumang tahi'. Kita tidak tahu mengapa ahli majlis berkenaan semacam sudah 'hilang ingatan' kerana gagal sama sekali bersuara dalam usaha mereka untuk memalukan Syed Aidid.

Kebenaran tetap kebenaran. Kalau 'satu dunia' sudah dicanang berhubung dengan kepincangan kepemimpinan presiden KOAM itu, kenapa ahli-ahli majlis yang tergolong dalam kumpulan serpihan bungkam mulut. Sepatutnya mesyuarat majlis Khamis lalu adalah kesempatan terbaik bagi kumpulan itu meluahkan atau menyuarakan rasa tidak puas hati mereka sejak KOAM diterajui Syed Aidid. Laporan ini memang mengejutkan ramai pihak. Ini kerana tidak ada langsung isu besar dibangkitkan sekalipun sebelum ini mereka begitu lantang dan turut mendesak agar mesyuarat majlis KOAM disegerakan.

Melihatkan kepada kelantangan beberapa ahli majlis ketika berbicara di beberapa akhbar tempatan dan turut membayangkan bahawa mesyuarat majlis itu pasti menjadi medan atau gelanggang untuk mereka meluahkan segala rasa tidak puas hati yang terbuku selama ini, nampaknya cuma 'indah khabar dari rupa'. Mereka kini sudah tewas sebelum bertanding. Gelagat kumpulan itu nampaknya hanya jaguh di luar gelanggang. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa mereka sebenarnya mahu mencari publisiti murahan.

Untuk menjadikan kepemimpinan Syed Aidid terus dipertikaikan, ahli majlis berkenaan dan mungkin mendapat ilham atau petunjuk daripada 'tangan-tangan asing' yang memainkan peranan dengan hasrat agar KOAM sentiasa kelihatan berkocak sejak Syed Aidid menerajui badan olahraga kebangsaan itu. Memang benar presiden KOAM kelihatan lembut di mata umum dan mungkin kerana dilihat terlalu lembut itulah telah mendorong ahli-ahli majlis yang selama ini menganggap diri mereka senior dalam KOAM menjadi 'besar kepala'. Apa yang dilakukan oleh Syed Aidid semuanya bagaikan tidak kena dan salah belaka pada penglihatan mereka. Ini seolah-olah mereka lebih bijak atau lebih pandai daripada presiden.

Apa yang pasti, kalau Syed Aidid bukan orang pintar, kita berpendapat tidak mungkin dia berupaya mengambil alih kepemimpinan KOAM daripada pimpinan seorang Timbalan Menteri, Datuk Khalid Yunus yang menerajui badan itu pada mesyuarat agung tahun lalu. Bukan mudah mengambil alih pucuk pimpinan KOAM. Ini kerana KOAM sejak daripada dahulu lagi boleh dikatakan penuh dengan permainan politik dalaman. Jadi, bukan calang-calang orang mampu menduduki 'kerusi panas' presiden KOAM. Lihatlah, Syed Aidid hanya tokoh korporat dan dia bertanding melawan seorang yang berjawatan timbalan menteri dalam kabinet pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed. Dalam situasi ini, perkiraannya cukup mudah. Bertanding menentang seorang yang

berjawatan timbalan menteri, Syed Aidid dilihat sukar memenangnya ketika itu. Bagaimanapun, kepintaran yang dimiliki syed Aidid mengatur strategi berkesan, membolehkannya membuat kejutan apabila mengalahkan Datuk Khalid dan seterusnya memimpin KOAM sehingga hari ini.

Melihat kepada senario ini, sepatutnya ahli-ahli majlis KOAM yang terbabit dalam 'kumpulan serpihan' seharusnya memahami siapa sebenarnya Syed Aidid. Kalau inipun mereka tidak boleh 'membaca' percaturan Syed Aidid, ahli majlis berkenaan sebenarnya tidak layak untuk duduk sebaris dalam barisan kepemimpinan presiden baru KOAM itu. Untuk duduk memegang jawatan dan kemudian cuba 'menikam' Syed Aidid dari dalam', ia bukan tindakan bijak tetapi merupakan tindakan 'bacul', tidak berpendirian dan boleh menjahanamkan hala tuju KOAM. Lihat sahaja bagaimana perjalanan mesyuarat majlis Khamis lalu. Ketika ramai pihak seolah-olah sudah 'termakan' hasutan kumpulan serpihan itu, ternyata kelembutan Syed Aidid bukan mudah untuk tunduk kepada desakan kumpulan berkenaan.

Kini, semuanya sudah berlalu dan diketahui umum. Nampaknya 'kumpulan serpihan' yang dianggotai beberapa ahli majlis kanan KOAM yang sebelum ini kelihatan 'garang' dan berkobar-kobar, rupanya terlentuk dan terkulai tidak bermaya sebagaimana diperlihatkan dalam mesyuarat majlis KOAM itu. Di mana suara garang mereka selama ini? Kenapa terus membisu? Pelbagai persoalan menghairankan sentiasa berlegar di kepala banyak pihak yang memang menanti mereka muncul sebagai pegawai yang benar-benar bertanggungjawab terhadap isu yang mahu dibangkitkan.

Syed Aidid sendiri tidak menduga perjalanan mesyuarat menjadi sebegitu lancar. "Saya terkejut kerana mesyuarat berlangsung penuh harmoni dan tidak sepanas yang digembar-gemburkan". Lebih memalukan puak serpihan apabila Syed Aidid semacam memperli mereka: "Jangan cakap mereka takut nanti mereka marah. Saya cukup hairan tiada siapa membangkitkan isu". Apa yang jelas topik perbincangan hanya berkisar mengenai program pembangunan dan persiapan menghadapi tiga kejohanan besar tahun depan - Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Kejohanan Trek dan Padang Asia (ATF).

Apa yang pasti, tiada perbalahan berlaku pada mesyuarat KOAM itu. Lebih daripada itu, sebarang kesulitan dilaporkan diselesaikan dengan baik tanpa ada ketegangan. Dakwaan sebelum ini bahawa kepemimpinan KOAM dikatakan kerap membelakangkan ahli majlis dalam membuat keputusan tidak juga dibincangkan. Tidak ada siapa bercakap mereka tidak puas hati terhadap Syed Aidid, malah semuanya bersetuju dengan keputusan yang dibuat.

Natijah daripada mesyuarat majlis KOAM tempoh hari sudah nyata dan jelas. Kesempatan ahli majlis untuk meluahkan suara hati terhadap kepemimpinan presiden KOAM sudah diberi seluas-luasnya. Bagaimanapun, gembar-gembur mahu menjadikan mesyuarat itu sebagai medan mengkritik Syed Aidid, telah bertukar dalam suasana persahabatan. Kita berharap selepas ini, tidak ada lagi perkara berbangkit diperkatakan secara berleluasa yang mengecam Syed Aidid. Ahli majlis yang sebelum ini semacam 'tidak sebulu' dengan presiden, tidak wajar sama sekali bertindak lagi untuk memburuk-burukkan KOAM. Mereka sepatutnya berasa malu besar kerana hanya nampak garang 'berkokok' di luar tetapi 'terkunci mulut' bila berada dalam mesyuarat. Apa jenis pegawai macam ini?

Rentetan daripada ini, mereka yang terbabit dalam kumpulan serpihan itu seharusnya layak mengundur diri daripada barisan kepemimpinan KOAM. Ini kerana semua orang sudah mengetahui siapa mereka sebenarnya. Mereka lebih suka mencetuskan perbalahan dan menjadi pengecut apabila berada dalam mesyuarat majlis. Inilah kebanyakan gambaran sebilangan besar pegawai-pegawai yang menganggotai persatuan sukan kebangsaan di Malaysia. Sebagai contoh, pernah berlaku isu 'Servis S' yang diperkenalkan pasangan handalan Razif-Jalani Sidek telah diharamkan oleh deligasi Eropah pada mesyuarat Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF) pada tahun 1980-an. Ini kerana

tiga wakil Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang hadir pada mesyuarat itu langsung tidak berusaha untuk mempertahankannya.

Kalau wakil kita sendiri tidak berusaha mempertahankannya, ia satu gambaran yang cukup mengaibkan. Kalau KOAM sekarang masih dibarisi oleh pegawai-pegawai macam pegawai BAM tadi, kita percaya bagaimana Malaysia boleh maju dalam sukan di persada antarabangsa. Kalau ahli majlis hanya mampu bercakap di luar dan takut bersuara lantang dalam mesyuarat majlis persatuan sukan kebangsaan, bagaimana kita dapat menelurkan idea-idea bernas dalam menjana kemajuan sukan negara secara menyeluruh. Apakah kita sekadar mahu menjadi jaguh di peringkat Asean? Bila agaknya ahli sukan kita mahu menggegar di Sukan Asia dan mungkin Sukan Olimpik?

(END)